

25/09/2001

BPR anggap kehilangan wang Tabung Haji jenayah

MELAKA, Isnin - Badan Pencegah Rasuah (BPR) mendapati kes kehilangan lebih RM9 juta dari akaun penyimpan Lembaga Tabung Haji lebih berunsur jenayah dan penyelewengan.

Timbalan Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Said Hamdan, berkata pemantauan awal BPR setakat ini belum dapat mengaitkan kes itu dengan rasuah.

Bagaimanapun, katanya, BPR masih memantau kes berkenaan dan menunggu laporan siasatan polis serta Jabatan Audit Negara.

"Kita tunggu laporan berkenaan dan jika ada unsur rasuah kita akan siasat," katanya kepada pemberita selepas pelancaran program jatidiri Rakan Muda BPR 2001 Zon Selatan di Pusat Latihan Rela Wilayah Selatan, Sungai Udang di sini, yang dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam hari ini.

Ahmad Said berkata, BPR bekerjasama dengan polis serta Jabatan Audit Negara dan akan menyiasat kes itu jika mengesyaki berlaku amalan rasuah tanpa perlu menunggu permintaan Tabung Haji atau mana-mana pihak.

Sejak kes berkenaan didedahkan media, bulan lalu, pelbagai pihak meminta BPR menyiasat kemungkinan berlaku penyalahgunaan kuasa dalam pengurusan Tabung Haji.

Bagaimanapun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin sebelum ini berkata BPR tidak perlu campur tangan untuk menyiasat secara menyeluruh pelaburan Tabung Haji, termasuk kehilangan wang itu.

Abdul Hamid berkata, sebarang kepincangan, terutama di segi pengurusan kewangan, dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Audit Negara manakala kes pemalsuan dokumen diserahkan kepada polis.

Mengulas kenyataan Mohd Ali bahawa pendekatan kerajaan negeri mengarahkan semua jabatan serta agensinya mempercepatkan kelulusan permohonan dapat mengurangkan rasuah, Ahmad Said berkata, ini selaras arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Perdana Menteri sendiri dalam mesyuarat kerajaan mahu urusan orang ramai dipermudahkan dengan mengurangkan kerenah birokrasi supaya dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi.

"Dalam merencanakan pembangunan ini, BPR turut memeriksa supaya tiada berlaku penyelewengan," katanya.

(END)